



# DASAR KESELAMATAN ICT PEJABAT SUK SELANGOR

## BIDANG 070202 MEDIA STORAN

### LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN MEDIA STORAN

Perlu dikawal bagi mencegah dari capaian yang tidak dibenarkan, kecurian dan kemusnahan.

Semua maklumat dalam media yang hendak dilupuskan perlu dihapuskan terlebih dahulu.

Semua media storan data yang hendak dilupuskan mesti dihapuskan dengan teratur dan selamat.

Data kritikal perlu disimpan dalam peti keselamatan (data safe) yang tahan dari dipecahkan, api, air dan medan magnet.

Perkakasan backup hendaklah diletakkan di tempat yang terkawal.

Peralatan elektronik untuk menyimpan data dan maklumat seperti disket, cakera padat, pita magnetik, dan lain-lain

Perlu berada dalam keadaan yang baik, selamat, terjamin kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan untuk digunakan.

Mengadakan salinan atau pendua (backup) pada media storan kedua untuk keselamatan dan mengelakkan kehilangan data.

Simpan di lokasi berasingan yang lebih privasi dan tidak terbuka kepada umum. Akses masuk kawasan penyimpanan media perlu terhad kepada pengguna yang dibenarkan sahaja.

Akses dan pergerakan kepada media storan yang mempunyai data kritikal perlu direkodkan.

Disimpan di ruang penyimpanan yang baik dan mempunyai ciri-ciri keselamatan bersesuaian dengan kandungan maklumat.

Penghapusan maklumat atau kandungan media mestilah mendapat kelulusan pemilik maklumat terlebih dahulu.

